

# PAMERAN MAYA



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Perpustakaan  
Tun Abdul Razak  
UiTM Cawangan Melaka

## DI SEBALIK MAKNA PRINSIP RUKUN NEGARA



PTARMELEKA



UiTM Cawangan  
Melaka Library



PTAR UiTM Cawangan  
Melaka



PTAR UiTM Cawangan  
Melaka



ptar\_uitm\_melaka



## **PAMERAN MAYA DI SEBALIK MAKNA PRINSIP RUKUN NEGARA**

# **PENGENALAN RUKUN NEGARA**

- 1. Ideology kebangsaan Malaysia yang telah dibentuk pada 31 Ogos 1970.**
- 2. Diperkenalkan berikutan peristiwa 13 Mei 1969.**
- 3. Tujuan utama Rukun Negara dibentuk adalah untuk membentuk perpaduan yang kukuh.**
- 4. Prinsip-prinsip dalam Rukun Negara merupakan kunci kepada keharmonian dan perpaduan kaum demi memastikan kejayaan dan kestabilan Malaysia.**
- 5. Memelihara satu cara hidup demokratik, iaitu dengan mencipta satu masyarakat yang adil.**



**PAMERAN MAYA  
DI SEBALIK MAKNA PRINSIP RUKUN NEGARA**

# PRINSIP RUKUN NEGARA



**Lima prinsip Rukun Negara**

**Kepercayaan kepada Tuhan,  
Kesetiaan kepada Raja dan Negara,  
Keluhuran Perlembagaan,  
Kedaulatan Undang-undang,  
Kesopanan dan Kesusilaan.**



## PAMERAN MAYA DI SEBALIK MAKNA PRINSIP RUKUN NEGARA

# PRINSIP RUKUN NEGARA



## 1. KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN

**Kepercayaan kepada Tuhan dimaksudkan sebagai bangsa dan negara ini telah diwujudkan atas kepercayaan yang kukuh kepada Tuhan.**

**Ketiadaan agama boleh meruntuhkan keperibadian dan merosakkan bangsa dan negara.**



## PAMERAN MAYA DI SEBALIK MAKNA PRINSIP RUKUN NEGARA

# PRINSIP RUKUN NEGARA



## 2. KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA

**Kesetiaan kepada Raja dan Negara adalah berteraskan kepada amalan Sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berpelembagaan dengan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua negara.**

**Kesetiaan kepada Raja dan Negara bermaksud setiap warganegara hendaklah menumpukan sepenuh taat setia, jujur dan ikhlas kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.**



**PAMERAN MAYA  
DI SEBALIK MAKNA PRINSIP RUKUN NEGARA**

# PRINSIP RUKUN NEGARA



### **3. KELUHURAN PERLEMBAGAAN**

**Keluhuran Perlembagaan menekankan perlunya rakyat menerima, mematuhi dan mempertahankan keluhuran atau kemuliaan Perlembagaan Negara.**

**Perlembagaan Negara adalah sumber perundangan yang tertinggi dan berfungsi untuk memberi perlindungan kepada setiap rakyat negara ini akan hak dan keistimewaan mereka sebagai warganegara.**

**Perlembagaan Malaysia turut menentukan pola politik dan kedudukan sosioekonomi rakyat di negara ini.**

**Perlembagaan Negara telah digubal berasaskan kesepakatan semua kaum dan semua pihak di negara ini.**



## PAMERAN MAYA DI SEBALIK MAKNA PRINSIP RUKUN NEGARA

# PRINSIP RUKUN NEGARA



### 4. KEDAULATAN UNDANG-UNDANG

**Keadilan yang diasaskan atas Kedaulatan Undang-undang menunjukkan setiap rakyat adalah sama taraf di sisi undang-undang.**

**Tanpa adanya undang-undang maka negara tidak dapat mencapai keamanan dan kestabilan.**

**Kewujudan undang-undang akan menjamin kehidupan masyarakat agar dapat hidup dalam suasana yang teratur dan selamat tanpa sebarang bentuk kekacauan.**



**PAMERAN MAYA  
DI SEBALIK MAKNA PRINSIP RUKUN NEGARA**

# PRINSIP RUKUN NEGARA



## 5. KESOPANAN DAN KESUSILAAN

**Kesopanan dan Kesusilaan menekankan perkembangan personaliti dan tingkah laku setiap rakyat.**

**Ianya bertujuan untuk membentuk warganegara yang bersopan santun dan bersusila selaras dengan kempen Budi Bahasa dan Nilai Murni yang dijalankan.**

**Sifat individu yang bersopan santun dan bersusila adalah paling bermakna dan amat penting dalam konteks perhubungan antara satu sama lain dalam masyarakat pelbagai kaum di negara ini.**

**Sikap bersopan santun dan bersusila patut diamalkan bagi membentuk seseorang individu dan masyarakat yang berdisiplin dan bermoral tinggi.**

**Tingkah laku sopan juga mengandungi suatu darjah kesusilaan yang tinggi dalam kedua-dua kehidupan persendirian dan kehidupan bernegara.**

**Prinsip ini menjadi panduan supaya perilaku masyarakat sentiasa terpelihara dan berkembang sesuai dengan keperibadian bangsa dan nilai-nilai murni.**





## PAMERAN MAYA DI SEBALIK MAKNA PRINSIP RUKUN NEGARA

# KESIMPULAN RUKUN NEGARA



**Rukun Negara bukanlah sekadar prinsip yang hanya dilafazkan dengan ikrar tetapi ianya menuntut kesungguhan setiap warganegara untuk menghayati dan mengamalkannya.**

**Mengamalkan Rukun Negara akan melahirkan masyarakat yang bersatu padu, muhibah tanpa mengira kaum serta bersikap saling menghormati antara satu sama lain.**

**Melalui perpaduan yang kukuh maka pertumbuhan ekonomi dapat ditingkatkan dan kestabilan politik dapat dikekalkan dalam sistem pemerintahan negara yang bercorak demokratik.**